

# Langkah tegas basmi fahaman ekstrem libatkan semua kaum

UM 24 JAN 2002

KUALA LUMPUR 23 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, langkah tegas kerajaan dalam membasmi fahaman ekstrem bukan hanya bertumpu kepada satu kaum sahaja tetapi melibatkan semua kaum.

Perdana Menteri berkata, oleh itu kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana juga kaum yang cuba membangkitkan perasaan perkauman keterlaluan di kalangan rakyat negara ini.

“Langkah ini adalah sebagai bukti bahawa tidak ada pilih kasih dalam perkara ini (membasmi fahaman ekstrem)...bukan hanya ekstremis Melayu

atau Islam sahaja, yang lain juga jika mereka cuba memainkan isu perkauman, kita tidak akan teragak-agak mengambil tindakan,” katanya.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di sini, hari ini.

Menjawab satu soalan Dr. Mahathir menafikan bahawa kumpulan militan KMM mempunyai kaitan dengan Jemaah Islam Singapura yang merancang untuk melakukan serangan bom di republik berkenaan.

Mengenai dakwaan Menteri Besar Kelantan, Da-

tuk Nik Aziz Nik Mat bahawa mereka yang mengundi Pas pada pilihan raya umum 1990 akan memperoleh pahala, Dr. Mahathir berkata, hanya orang yang tidak bijak sahaja yang mempercayai kata-kata pemimpin Pas tersebut.

Dr. Mahathir juga memberitahu, dalam mesyuarat tersebut, beliau menjelaskan konsep negara Islam yang telah diisytiharkan oleh UMNO.

“Semua (pemimpin BN) bersetuju bahawa mereka tidak ada masalah mengenai negara Islam seperti yang diisytiharkan oleh UMNO itu,” katanya. -